



Ruj. Kami : JPNPs.100-9/2/6 JLD7/( )  
Tarikh : 2 Mei 2025

Ts. Izwan Hadi bin Zamhuri  
Ketua Pegawai Operasi  
Elvira Systems Sdn. Bhd.  
2-2A, Blok A, Jalan GC-1  
Cyberjaya 63200  
Selangor

Tuan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PENGLIBATAN MURID BAGI PERTANDINGAN *MICRO:BIT INNOVATION AND ROBOTIC COMPETITION* TAHUN 2025 (mIRC2025) ANJURAN ELVIRA SYSTEMS SDN. BHD.**

Dengan segala hormatnya surat daripada pihak tuan adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Setelah meneliti surat tuan, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis tiada halangan dan mengalu-alukan penganjuran program tersebut. Walaubagaimanapun ia adalah terhad dan bergantung kepada persetujuan dan kebenaran pihak sekolah serta tertakluk kepada *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5 Tahun 2018 Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.*

3. Untuk makluman pihak tuan, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis dalam usaha Melindungi Masa Intruksional (MMI) iaitu masa pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) murid. Oleh yang demikian sebarang aktiviti yang dirancang selepas ini amatlah diharapkan diadakan di luar waktu PdPc agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid dan dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja. Pihak tuan juga hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti ketetapan berikut:

- 3.1 Mendapat persetujuan Pengetua/Guru Besar sekolah yang terlibat;
- 3.2 Mematuhi semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- 3.3 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunakan bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan atau tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.4 Tiada unsur paksaan terhadap guru dan murid untuk menyertai program berkenaan serta mematuhi *Surat Siaran KPM Bil.2 Tahun 2016 Peringatan Lima Hari Bekerja Seminggu* dimana hari Sabtu yang dibenarkan iaitu Sabtu minggu kedua dan keempat sahaja. Tiada sebarang aktiviti dan mesyuarat dibenarkan untuk dijalankan pada hari Sabtu minggu pertama, ketiga dan kelima;
- 3.5 Guru pengiring hendaklah bersama murid sepanjang program berlangsung (jika berkaitan);
- 3.6 Penglibatan murid mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada ibubapa/penjaga dan tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 3.7 Tiada melibatkan implikasi kewangan terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan sekolah;
- 3.8 Semua pihak diminta memastikan murid yang terlibat mempunyai perlindungan insuran Takaful, serta mematuhi *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3 Tahun 2019 Prosidur Operasi Standard (SOP) Penggunaan Kenderaan Sendiri Oleh Guru Untuk Membawa Murid Bagi Urusan Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (jika berkaitan);*

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PENGLIBATAN MURID BAGI PERTANDINGAN *MICRO:BIT INNOVATION AND ROBOTIC COMPETITION* TAHUN 2025 (mIRC2025) ANJURAN ELVIRA SYSTEMS SDN. BHD.**

---

- 3.9 Memastikan keselamatan guru dan murid diberi keutamaan;
- 3.10 Mematuhi Prosidur Operasi Standard (SOP) seperti yang terkandung dalam *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9 Tahun 2000 Panduan Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Serta Aktiviti Kegiatan Kokurikulum dan Sukan Di Dalam dan Di Luar Kawasan Sekolah* sebelum, semasa dan selepas program serta hendaklah didokumenkan dan ditaklimatkan kepada semua peserta;
- 3.11 Mematuhi Prosidur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); dan
- 3.12 Pihak tuan dikehendaki mengemukakan satu salinan surat pengiktirafan bagi pemberian markah kokurikulum yang dikeluarkan oleh Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia bersama laporan program bagi tujuan rekod di Jabatan Pendidikan Negeri Perlis selepas program dilaksanakan

4. Kebenaran ini adalah hanya untuk memberi kebenaran penglibatan guru/murid serta tertakluk kepada perincian seperti dalam permohonan tuan. Surat kelulusan ini hanya untuk **Pertandingan *Micro:bit Innovation And Robotic Competition* Tahun 2025 SAHAJA.**

5. Sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh menghubungi En. Jasmanshah bin Che Lah, Penolong Pengarah Unit Pembangunan Bakat Murid (Kokurikulum), Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis di talian 04 973 7726 atau melalui e-mel [jasmanshah@moe.gov.my](mailto:jasmanshah@moe.gov.my)

Kerjasama dan komitmen daripada pihak tuan amatlah dihargai dan disanjung tinggi.

Sekian, terima kasih.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT BERILMU,  
NEGERI SEJAHTERA, PERLIS MAJU"**

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(HAJI CHE RASAIDI BIN CHE YOB)**

Sektor Pembangunan Murid  
b.p Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis  
JCL/SPMu